

45/1
Pendidikan
Islam
Ogos
2010
2 jam



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (PKPSM) KEDAH**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2010**

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN ;

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab satu soalan daripada Bahagian A dan semua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **8** halaman bercetak

Bahagian A

[20 markah]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.

1 (a) Firman Allah SWT :

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ
 أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ
 النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ ءَايَاتِهِ ۗ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

(سورة ال عمران: 103)

Ayat di atas menjelaskan tentang perpaduan antara umat Islam.

- (i) Apakah maksud tali Allah? [2 markah]
- (ii) برداسرکن آية ، پاتاکن فثرتین کلمة یغ برکاریس. [2 markah]
- (iii) Nyatakan cara memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar. [2 markah]
- (iv) Jelaskan dua keburukan perpecahan dalam membentuk perpaduan rasional. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ كُلُّ سُلَامَىٰ مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ
 صَدَقَةٌ كُلُّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ ، تُعَدَّلُ بَيْنَ الْإِثْنَيْنِ صَدَقَةٌ ، وَتُعِينُ الرَّجُلَ فِي دَائِيهِ
 فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ ، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ ، وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ
 تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ ، وَتَمِيْطُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ

(رواه البخاري ومسلم)

Hadis di atas menerangkan tentang kebaikan melakukan amalan sedekah.

- (i) Apakah maksud sedekah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan dua kesan sedekah kepada pembangunan negara. [4 markah]

- (c) Tuliskan perkataan yang bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

(i)
Islam adalah agama sarwajagat yang sesuai dianuti oleh setiap manusia.
(ii)
Walaubagaimanapun Islam tidak memaksa penganut agama lain memeluk
(iii)
agama Islam dalam soal memilih agama, Islam memberi kebebasan kepada
(iv)
individu memilih agama yang ingin mereka anuti .

[4 markah]

- 2 (a) Firman Allah SWT:

وَهُوَ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِ ۗ حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَّتْ سَحَابًا ثِقَالًا
سُقْنَهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلْنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا بِهِ مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ ۗ كَذَٰلِكَ نُخْرِجُ
الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾ وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ ۗ وَالَّذِي خَبِثَ
لَا يَخْرُجُ إِلَّا نَكْدًا ۗ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ ﴿٥٨﴾
(سورة الأعراف 57-58)

Ayat di atas menerangkan tentang hari kebangkitan.

- (i) Apakah maksud hari kebangkitan? [2 markah]
(ii) برداسرکن آية، پاتاکن فثغرتین کلمة یغ برکاریس. [2 markah]
(iii) Senaraikan **dua** ciri orang yang bersyukur. [2 markah]
(iv) Jelaskan **dua** cara bersyukur beserta contoh. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ : إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ
 الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ
 وَلْيُجِدْ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِحْ ذَبِيحَتَهُ
 (رواه مسلم)

Hadis di atas menerangkan tentang kepentingan ihsan terhadap binatang.



Gambar 1

Orang sedang menyembelih ayam

- (i) Berdasarkan hadis dan Gambar 1, nyatakan **dua** cara bersifat ihsan ketika menyembelih binatang. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bentuk penganiayaan yang sering dilakukan oleh manusia terhadap binatang. [4 markah]

(c) Tuliskan **petikan** di bawah menggunakan tulisan jawi .

Agama Islam membenarkan orang yang sakit menunaikan solat mengikut keupayaan kerana Allah mengambil kira keperluan hambaNya.

[4 markah]

Bahagian B
[80 markah]
Jawab **semua** soalan

- 3 (a) Rasul mempunyai sifat wajib, mustahil dan harus.
- (i) Lengkapkan jadual di bawah dengan sifat wajib bagi rasul. [2 markah]

Siddiq (benar)
X
Y
Fatonah (bijak)

Jadual 1

- (ii) Bagaimanakah cara anda mencontohi sifat fatonah rasul. [2 markah]
- (b) Mizan adalah satu proses yang akan dilalui oleh manusia di akhirat.
- (i) Apakah yang di maksudkan dengan al-Mizan? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** kepentingan beriman kepada al-Mizan. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan di antara al-Mizan akhirat dan pertimbangan di dunia. [4 markah]
- (c) *Al-Adlu* ialah antara *al-Asma' al-Husna* (nama-nama Allah SWT yang indah).
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *al-Adlu*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** bukti Allah SWT bersifat *Al-Adlu*. [4 markah]

- 4 (a) Islam mengharuskan umatnya berbuka puasa dalam keadaan tertentu.
- (i) Nyatakan **dua** golongan yang diharuskan berbuka puasa. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah diharuskan berbuka puasa. [4 markah]
- (iii) Siapakah golongan yang wajib qada dan kifaratus puasa? [2 markah]
- (b) (i) Lengkapkan jadual 2 di bawah dengan jawapan yang betul mengenai kaifiat solat Aidil Fitri.

Bilangan takbir pada rakaat pertama	X
Bilangan takbir pada rakaat kedua	Y

Jadual 2

[2 markah]



Gambar 2
Suasana pagi raya.

- (ii) Nyatakan **dua** amalan sunat sebelum solat Aidil Fitri. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan di antara solat hari raya dengan solat Jumaat. [4 markah]

(c) Soalan 4 (c) (i) hingga 4 (c) (iv) berdasarkan Jadual 3.

Wajib	Harus	Makruh	Tidak Sah	Haram
-------	-------	--------	-----------	-------

Jadual 3

Berdasarkan jadual 3 di atas, nyatakan hukum bagi situasi berikut:

- (i) Ramli menyucikan tangannya yang dijilat anjing dengan sekali air tanah dan lima kali dengan air mutlak. [1 markah]
- (ii) Salman memegang al-Quran dalam keadaan berhadass besar. [1 markah]
- (iii) Salim mengerjakan solat jamak ketika bermusafir dari Alor Setar ke Kuala Lumpur. [1 markah]
- (iv) Rohani berkumur berlebih-lebihan sedangkan ia berpuasa. [1 markah]
- 5 (a) Pembukaan kota Mekah pada tahun 8 Hijrah merupakan peristiwa penting dalam sejarah kegemilangan Islam di semenanjung Tanah Arab.
- (i) Nyatakan **dua** strategi yang dilakukan oleh tentera Islam untuk menggerunkan tentera Musyrikin dalam peristiwa di atas. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **tiga** tuntutan Rasulullah SAW terhadap kafir Quraisy semasa pembukaan di atas. [3 markah]
- (b) Saïdina Abu Hurairah ra adalah perawi hadis yang unggul.
- (i) Apakah faktor yang membantu beliau berjaya dalam bidang tersebut. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bagaimana ketekunan dan ketabahan beliau yang boleh dicontohi oleh seseorang pelajar ketika menuntut ilmu. [4 markah]

(c) Saidina Abdul Rahman Bin Auf ra adalah seorang hartawan yang dermawan.

(i) Buktikan pernyataan di atas. [1 markah]

(ii) Nyatakan dua faktor kejayaan beliau dalam perniagaan. [2 markah]

(d) Soalan 5 (d) (i) dan 5 (d) (ii) berdasarkan jadual 4.

حِسَابٍ	وَتَرَزُقُ	الْأَرْضِ	فَيَغْفِرُ	تُخَفُّوهُ	وَتُخْرِجُ
---------	------------	-----------	------------	------------	------------

Jadual 4

Berdasarkan Jadual 4, isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis jawapan sahaja.

(i)

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي (i) _____ وَإِنْ تَبَدُّوا مَا فِي
 أَنْفُسِكُمْ أَوْ (ii) _____ يُحَاسِبِكُمْ بِهِ اللَّهُ (iii) _____ لِمَنْ
 يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

[3 markah]

(ii)

تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ (i) _____ الْحَيُّ مِنَ
 الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ (ii) _____ مَنْ كَفَّاهُ بِغَيْرِ
 _____ (iii) _____

[3 markah]

6. (a) Manusia perlu menjalinkan hubungan baik serta kerjasama erat dengan orang lain untuk menjamin keharmonian hidup.
- (i) Jelaskan **dua** sebab orang Islam dituntut beradab dengan orang bukan Islam [4 markah]
 - (ii) Terangkan cara memupuk suasana yang harmoni dengan rakan-rakan bukan Islam di sekolah anda. [2 markah]
- (b) Harta benda sekolah ialah semua peralatan pembelajaran yang disediakan untuk menyenangkan pelajar dalam menuntut ilmu.



Gambar 3
Harta sekolah

- (i) Bagaimanakah cara mendidik pelajar supaya menjaga harta benda sekolah? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** akibat merosakkan harta sekolah. [4 markah]
- (c) Nikmat dan musibah merupakan ujian Allah SWT untuk menguji keimanan hambaNya.
- (i) Senaraikan **empat** contoh nikmat kurniaan Allah SWT kepada manusia. [4 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kelebihan beradab ketika ditimpa musibah. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
1 (a) (i)	Maksud tali Allah ialah : Agama Allah S.W.T / Islam / Syariah Islam / Al-Quran dan Hadis.	1 x 2m = 2 m
(ii)	- Nikmat. - Persaudaraan / Bersaudara.	2 x 1m = 2 m
(iii)	Cara memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar ialah : - Menganjurkan minggu silaturrahim. - Menganjurkan sukaneka. - Mengamalkan sikap tolak-ansur. - Mengamalkan sikap tolong-menolong. (Jawapan munasabah diterima)	1 x 2m = 2 m
(iv)	Keburukan perpecahan dalam membentuk perpaduan nasional: - Masyarakat tidak bersatu-padu. - Negara tidak aman. - Hidup dalam ketakutan. - Ekonomi tidak membangun. - Hidup berpuak-puak. - Umat Islam bercakaran sesama sendiri. - Umat Islam menjadi lemah dan tidak dihormati. - Musuh akan mengambil kesempatan menindas dan menzalimi umat Islam. - Kemunduran akan terus membelenggu kehidupan umat Islam. (Jawapan munasabah diterima)	2 x 2m = 4 m
(b) (i)	Maksud sedekah : ialah sesuatu benda yang berharga atau amalan yang memberi manfaat / yang diberikan kepada orang yang memerlukan	2 x 1m = 2 m
(ii)	Kesan sedekah kepada pembangunan negara: - Melahirkan masyarakat pemurah / suka menderma - Ekonomi negara akan stabil . - Melahirkan masyarakat yang penyayang. - Negara akan dihormati oleh negara asing. - Semakin ramai pelabur datang melabur. - Dapat menghimpun dana untuk menampung keperluan ekonomi negara. - Menaikkan imej dengan menyalurkan tabung derma kepada negara miskin. (Jawapan yang munasabah diterima)	2 x 2m = 4 m

(c)	<p>(i) اضمام سرواجاضت يغب سسواي (ii) والابواضايمانافون إسلام تيدق ممقسا (iii) ممبري كبييسن كغد اينديويدو (iv) يغب ايغبين مريك انوتي</p> <p>قاعده فموتوغن مرکه : - ساتو فرثاتاعن ساتو مرکه - كسالهن لبييه درفد سفاروه فرثاتاعن تباد مرکه - حروف خراي تيدق دتريما - ايجاعن مغيكوت جاوي دب.ف.</p>	4 x 1m = 4m
-----	---	-------------

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
2 (a) (i)	Maksud hari kebangkitan : Hari manusia dibangkitkan semula.	1 x 2m = 2 m
(ii)	<ul style="list-style-type: none"> - Rahmat. - Orang yang bersyukur. 	2x 1m = 2 m
(iii)	Ciri-ciri orang yang bersyukur : <ul style="list-style-type: none"> - Rajin dalam menunaikan ibadat. - Ikhlas dalam semua pekerjaan. - Sabar menghadapi musibah. - Reda dengan kurniaan Allah SWT. (Jawapan munasabah diterima)	2 x 1m= 2 m
(iv)	Dua cara bersyukur beserta contoh : <ul style="list-style-type: none"> - Dengan hati : Contoh reda. - Dengan lisan : Contoh mengucapkan zikir, tasbih dan lain-lain. - Dengan amalan/perbuatan : Contoh menunaikan Ibadat 	2 x 2m = 4m Fakta : 1m Contoh : 1m
(b) (i)	Dua cara bersifat ihsan ketika menyembelih binatang: <ul style="list-style-type: none"> - Menajamkan pisau. - Memberi minum kepada binatang sebelum disembelih. - Membaringkan binatang di tempat yang rata. - Menyembelih dengan cepat. 	2 x 1m= 2 m

(ii)	Dua bentuk penganiayaan yang sering dilakukan oleh manusia terhadap binatang : - Menyiksa binatang - Memukul binatang - Mengurung binatang. - Melaga binatang. - Memelihara binatang di dalam sangkar kecil. - Memuatkan barang-barang yang terlalu berat di atas belakang binatang. - Memijak , melontar , menghumban binatang.	$2 \times 2m = 4 m$
(c)	اضام إسلام ممبئرکن اورغ / یغ ساکیت منونایکن صلاة / مغیکوت کأوفایأن کران الله / مغمبیل کیرا کفرلوان همبات. قاعده فموتوغن مرکه : - ساتو فرثاتان ساتو مرکه - کسالهن لبیه درفد سفاروه فرثاتان تیاد مرکه - حروف خرای تیدق دتریما - ایجاءن مغیکوت جاوی دب.ف.	$4 \times 1m = 4m$


No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
3 (a) (i)	X = Amanah Y = Tabligh (Menyampaikan)	$2 \times 1m = 2 m$
(ii)	Cara mencontohi sifat fatonah rasul : <ul style="list-style-type: none"> • Menuntut ilmu sebanyak mungkin. • Rajin berusaha. • Berfikir secara kreatif. • Berdamping dengan ulama dan orang berilmu. • Mana-mana jawapan munasabah diterima. 	$2 \times 1m = 2 m$
(b) (i)	Maksud al-Mizan ialah : Neraca atau menimbang amalan manusia di hari akhirat.	$1 \times 2m = 2 m$
(ii)	Dua kepentingan beriman kepada al-Mizan ialah : <ul style="list-style-type: none"> • Mendorong kita rajin dan beristiqamah dalam melakukan amalan soleh. • Memantapkan aqidah sahsiah seseorang akan keadilan Allah SWT. • Sahsiah akan mantap dalam melakukan kebaikan. • Mengamalkan sifat adil, tegas pendirian dalam kehidupan. 	$2 \times 2m = 4 m$

(iii)	Dua perbezaan :		2 x 2m = 4m
	Al-Mizan akhirat	Pertimbangan dunia	
	Menyeluruh , adil dan telus.	Terbatas , tidak terjamin ketepatannya.	
	Tidak dipengaruhi emosi dan diskriminasi.	Terdedah pengaruh emosi dan diskriminasi.	
	Tetap , tegas.	Berubah-ubah.	
	Berdasarkan zahir dan batin.	Berdasarkan zahir sahaja.	
(c) (i)	Maksud al-Adlu : - Allah Maha Adil		1 x 2m = 2 m
(ii)	Dua bukti Allah SWT bersifat al-Adlu <ul style="list-style-type: none"> - memberikan ganjaran pahala dan balasan dosa. - menyediakan syurga dan neraka. - kejadian muka bumi yang mempunyai pelbagai iklim. - mengutuskan rasul kepada semua kaum. - kejadian manusia yang sempurna tubuh badan dan akal fikiran. 		2 x 2m = 4m

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
4 (a) (i)	Dua golongan yang diharuskan berbuka puasa ialah: <ul style="list-style-type: none"> - Orang yang ditimpa sakit yang boleh memudaratkan diri. - Orang sakit tenat yang tiada harapan sembuh. - Orang yang bermusafir melebihi dua marhalah. - Orang yang tersangat lapar atau dahaga yang membahayakan dirinya. - Orang tua yang tidak mampu berpuasa. - Perempuan mengandung yang bimbang kesihatan dirinya atau kandungannya. - Orang yang melakukan pekerjaan berat. - Perempuan yang menyusukan anak untuk menjaga kesihatan diri dan anaknya. 	2 isi x 1m =2m
(ii)	Dua hikmah diharuskan berbuka puasa : <ul style="list-style-type: none"> - Memberikan kemudahan dan kesenangan kepada mereka yang tidak dapat mengerjakan puasa. - Memberi semangat untuk terus mengerjakan ibadat puasa. - Menjalani kehidupan berlandaskan hukum syarak. - Mendapat hidayah dan keredaan Allah SWT. 	2 x 2m = 4 m
(iii)	Golongan yang wajib qada dan kifarat puasa: <ul style="list-style-type: none"> - Suami yang melakukan persetubuhan dengan sengaja pada siang hari di bulan Ramadan. 	2 m

(b) (i)	X – 7 Y – 5	1m 1m =2 m																					
(ii)	Dua amalan sunat sebelum solat Aidil Fitri : <ul style="list-style-type: none"> - Menghidupkan malam raya dengan ibadah seperti takbir, zikir, solat sunat tahajjud dan membaca al-Quran. - Mandi sunat pada pagi hari raya. - Memakai pakaian baru dan bersih. - Memakai wangi-wangian bagi kaum lelaki. - Bermaaf-maafan dengan ibu bapa dan keluarga. - Membayar zakat fitrah . - Bersarapan sebelum solat. 	2 x 1m = 2 m																					
(iii)	Dua perbezaan antara solat hari raya dengan solat jumaat : <table border="1" data-bbox="358 779 1151 1360" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Perkara</th> <th style="width: 35%;">Solat hari raya</th> <th style="width: 50%;">Solat Jumaat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hukum</td> <td>Sunat kepada lelaki dan perempuan.</td> <td>Wajib kepada setiap lelaki mukallaf yang bermukim.</td> </tr> <tr> <td>Waktu</td> <td>Pada waktu pagi setiap 1 Syawal dan 10 Zulhijjah.</td> <td>Pada waktu Zohor setiap hari Jumaat .</td> </tr> <tr> <td>Khutbah</td> <td>Selepas solat</td> <td>Sebelum solat</td> </tr> <tr> <td>Tempat</td> <td>Masjid, surau atau padang.</td> <td>Masjid atau surau</td> </tr> <tr> <td>Bilangan jemaah</td> <td>Boleh dilakukan sendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan</td> <td>Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.</td> </tr> <tr> <td>Takbir</td> <td>Disunatkan takbir dan tasbih sebelum membaca fatihah.</td> <td>Tiada takbir dan tasbih sebelum membaca al-Fatihah.</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Solat hari raya	Solat Jumaat	Hukum	Sunat kepada lelaki dan perempuan.	Wajib kepada setiap lelaki mukallaf yang bermukim.	Waktu	Pada waktu pagi setiap 1 Syawal dan 10 Zulhijjah.	Pada waktu Zohor setiap hari Jumaat .	Khutbah	Selepas solat	Sebelum solat	Tempat	Masjid, surau atau padang.	Masjid atau surau	Bilangan jemaah	Boleh dilakukan sendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan	Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.	Takbir	Disunatkan takbir dan tasbih sebelum membaca fatihah.	Tiada takbir dan tasbih sebelum membaca al-Fatihah.	2 x 2m = 4 m
Perkara	Solat hari raya	Solat Jumaat																					
Hukum	Sunat kepada lelaki dan perempuan.	Wajib kepada setiap lelaki mukallaf yang bermukim.																					
Waktu	Pada waktu pagi setiap 1 Syawal dan 10 Zulhijjah.	Pada waktu Zohor setiap hari Jumaat .																					
Khutbah	Selepas solat	Sebelum solat																					
Tempat	Masjid, surau atau padang.	Masjid atau surau																					
Bilangan jemaah	Boleh dilakukan sendirian atau secara berjemaah tetapi tidak ditentukan bilangan	Wajib berjemaah sekurang-kurangnya 40 orang.																					
Takbir	Disunatkan takbir dan tasbih sebelum membaca fatihah.	Tiada takbir dan tasbih sebelum membaca al-Fatihah.																					
(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Tidak Sah. - Haram. - Harus. - Makruh. 	1x1m = 1m 1x1m = 1m 1x1m = 1m 1x1m = 1m																					

No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
5 (a) (i)	Dua strategi : - Menyalakan unggun api dengan banyaknya. - Mendirikan khemah-khemah. - Memasuki Mekah dari empat penjuru. - Membuat tawaran keselamatan kepada penduduk Mekah. - Mengemukakan tiga tuntutan terhadap Musyrikin Mekah.	2 x 1m=2 m
(ii)	Tiga tuntutan Rasulullah SAW : - Membayar diah kepada waris Bani Khuzaah yang terbunuh. - Mengutuk perbuatan Bani Bakar yang membunuh 20 orang Bani Khuzaah. - Berperang dengan tentera Islam.	3 x 1m= 3 m
(b) (i)	Faktor yang membantu beliau berjaya dalam bidang hadis: - Sentiasa hadir dalam majlis ilmu . - Seorang ahli suffah yang mempunyai banyak masa untuk belajar hadis. - Tekun menyebarkan hadis kepada orang ramai. - Hidup lama selepas kewafatan Rasulullah SAW (47 tahun) - Berkat doa Nabi agar beliau mudah menghafaz hadis.	2 x 1m=2 m
(ii)	Ketekunan dan ketabahan beliau yang boleh dicontohi oleh seseorang pelajar : - Sentiasa mendampingi dan menghormati guru. - Menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran ketika belajar. - Sentiasa berdoa dan mengingati Allah SWT. - Sentiasa mengharapkan keredaan ibu bapa. - Sentisa berhijrah untuk menuntut ilmu.	2 x 2m=4 m
(c)(i)	Bukti Saidina Abdul Rahman Bin Auf ra adalah seorang hartawan yang dermawan: - Menyumbang barang-barang keperluan sebanyak muatan 700 ekor unta untuk penduduk Madinah. - Membahagi 40,000 dinar kepada bani Zuhrah, isteri-isteri Rasulullah SAW dan fakir miskin. - Menyumbang 200 tahil emas, 500 ekor kuda perang dan 1500 ekor unta dalam perang Tabuk. - Menderma 400 dinar emas kepada setiap orang bekas tentera perang Badar.	1 x 1m=1 m
(ii)	Dua faktor kejayaan beliau dalam perniagaan: - Sentiasa berusaha dengan gigih dan tidak terlalu bergantung kepada orang lain. - Jujur dan ikhlas. - Berniaga barangan yang halal. - Bersyukur dengan rezeki Allah SWT. - Menderma pada jalan Allah SWT. - Zuhud.	2 x 1m=2 m

<p>(d) (i)</p> <p>(ii)</p>	 <p>.i .ii .iii .i .ii .iii</p>	<p>3 x 1m=3 m</p> <p>3 x 1m=3 m</p>
No. Soalan	Contoh Jawapan	Markah
<p>6 (a)(i)</p>	<p>Sebab dituntut beradab dengan orang bukan Islam:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menarik minat mereka mengkaji Islam. - Agar dakwah berkembang pesat dan orang bukan Islam dapat menerima dakwah dengan mudah. - Mengelakkan Islam dan umat Islam dimusuhi. - Supaya wujud suasana aman dalam kehidupan bermasyarakat. - Jawapan munasabah diterima. 	<p>2 x 2m= 4 m</p>
<p>(ii)</p>	<p>Cara memupuk keharmonian dengan rakan-rakan bukan Islam di sekolah anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menghormati mereka seperti saling bertegur-sapa. - Bekerjasama seperti menganjurkan program gotong-royong bersama-sama. - Saling tolong-menolong dalam perkara kebaikan seperti menolong mereka yang ditimpa kesusahan. - Bertanya khabar / bertegur-sapa seperti mengucapkan selamat pagi. - Mengadakan program-program perbincangan seperti mewujudkan kumpulan belajar dengan mereka. - Jawapan munasabah diterima. 	<p>1x 2m = 2 m</p>
<p>(b)(i)</p>	<p>Cara mendidik pelajar supaya menjaga harta benda sekolah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memberi penerangan tentang kepentingan menjaga harta sekolah dan akibat tidak menjaga harta sekolah. - Mengadakan kempen menjaga harta benda sekolah. - Mengenakan hukuman kepada pelajar yang merosakkan harta sekolah. - Jawapan munasabah diterima. 	<p>2 x 1m= 2 m</p>
<p>(ii)</p>	<p>Dua akibat merosakkan harta sekolah:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Merugikan pelajar dan sekolah. - Mencemar imej pelajar dan sekolah. - Pembelajaran terjejas. - Menyulitkan pengurusan sekolah. - Merugikan negara. 	<p>2 x 2m= 4 m</p>

	- Jawapan munasabah diterima.	
(c) (i)	Empat contoh nikmat: <ul style="list-style-type: none"> - Islam dan Iman. - Kesihatan. - Harta kekayaan. - Keluarga bahagia. - Kedudukan dan pangkat dalam masyarakat. - Rezeki. - Keamanan negara. 	4 x 1m = 4 m
(ii)	Kelebihan beradab ketika ditimpa musibah : <ul style="list-style-type: none"> -Iman menjadi semakin bertambah kerana sabar menghadapi ujian Allah. -Berjaya di dunia dan akhirat kerana reda dengan apa yang terjadi. -Mendapat rahmat dan keampunan Allah SWT kerana tidak berputus asa dalam menempuh kehidupan. -Nikmat yang lebih baik akan diganti oleh Allah SWT kerana sentiasa bersabar dalam setiap ujian. - Jawapan munasabah diterima. 	2 x 2m = 4 m

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT